

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN PAY & SAVE WIN BOXES!

1. **Kempen Pay & Save Win Boxes!** ialah inisiatif khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menggalakkan pengguna myPTPTN membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau penabungan di Simpan SSPN.
2. Menerusi pendekatan interaktif yang menyeronokkan, PTPTN memperkenalkan PT Points yang membolehkan pengguna mengumpul mata ganjaran PT Points melalui transaksi dan permainan digital.

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh kempen bermula pada **1 November 2025 sehingga 30 November 2025** dan berdasarkan konsep *"first come, first serve"* dalam tempoh kempen, tertakluk kepada baki PT Points yang diperuntukkan. Kempen ini akan ditamatkan sekiranya peruntukan PT Points telah dihabiskan lebih awal daripada tempoh kempen.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

KELAYAKAN

5. Terbuka kepada pengguna myPTPTN.

CARA PENYERTAAN

6. Pelanggan hendaklah memuat turun myPTPTN dan mendaftar sebagai pengguna myPTPTN.
7. Pengguna perlu membuat minimum bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN melalui myPTPTN untuk mendapatkan mata ganjaran PT Points seperti berikut:

Produk	Minimum Bayaran dan/ atau Simpanan	Mata Ganjaran PT Points*
Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	RM100	20 mata ganjaran
Simpan SSPN	RM100	2 mata ganjaran

**Tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu*

8. Pengguna berpeluang untuk mendapatkan mata ganjaran PT Points untuk setiap gandaan transaksi bernilai RM100, tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu.

9. Pengguna yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN dalam satu (1) transaksi juga berpeluang bermain permainan Kotak Misteri dengan pemberian **tambahan mata ganjaran PT Points*** seperti berikut:

Produk	Minimum Bayaran dan/ atau Simpanan	Peluang Bermain*
Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	RM100	2 kali
Simpan SSPN	RM100	2 kali

**Tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu*

10. Ganjaran yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.

PEMBERIAN MATA GANJARAN PT POINTS

11. Had maksimum harian bagi pemberian mata ganjaran PT Points bagi setiap pengguna adalah sebanyak 2,000 PT Points.
12. Pengguna hendaklah melakukan transaksi mengikut terma dan syarat semasa tempoh kempen dan tertakluk kepada had maksimum harian mata ganjaran PT Points yang diperuntukkan (yang mana lebih terdahulu).

PENEBUSAN MATA GANJARAN PT POINTS

13. Mata ganjaran PT Points hanya boleh ditukar kepada nilai wang bagi produk PTPTN sahaja sama ada untuk bayaran balik pinjaman dan/ atau penambahan di Simpan SSPN Prime dan/ atau penambahan di Simpan SSPN Plus.
14. Penebusan hanya dibenarkan apabila jumlah mata ganjaran terkumpul mencapai had minimum 2,000 PT Points.

PERUNTUKAN UMUM

15. Untuk mengambil bahagian dalam kempen ini, pengguna myPTPTN mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pengguna myPTPTN tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian dalam kempen ini.
16. Penyertaan pengguna myPTPTN di dalam kempen ini adalah atas risiko sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
17. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN

Kempen Pay & Save Win Boxes!

atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pengguna myPTPTN untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

18. Pengguna myPTPTN adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.
19. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
20. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pengguna myPTPTN tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
21. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
22. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
23. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pengguna myPTPTN termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pengguna myPTPTN, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pengguna myPTPTN hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
24. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pengguna myPTPTN.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Pay & Save Win Boxes!*

Maklumat dikemaskini pada 31 Oktober 2025